

**UCAPAN OLEH
YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI
DI MAJLIS PERASMIAN MAKTAB PEGAWAI KANAN POLIS KUALA LUMPUR
DI MPKPKL, KUALA LUMPUR
10 JULAI 2004**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

Y.A. BHG. TUN MOHAMAD DZAIDDIN ABDULLAH
PENGERUSI SURUHANJAYA KHAS PENAMBAHBAIKAN PERJALANAN DAN
PENGURUSAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

Y.A. BHG. TUN MOHAMAD HANIF OMAR
BEKAS KETUA POLIS NEGARA

Y. BHG. TAN SRI MOHD BAKRI OMAR
KETUA POLIS NEGARA

Y. BHG. DATO' SERI MOHD. SEDEK BIN HAJI MOHD. ALI
TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA

DIF-DIF JEMPUTAN

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN, PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAAH KURNIA DAN IZINNYA KITA DAPAT BERSAMA-SAMA PADA PAGI INI SEMPENA PERASMIAN MAKTAB PEGAWAI KANAN POLIS KUALA LUMPUR YANG BARU SEBENTAR TADI TELAH SAYA SEMPURNAKAN.

2. SYABAS DIUCAPKAN KEPADA POLIS DIRAJA MALAYSIA (P.D.R.M.) YANG KINI BERJAYA MEMILIKI SEBUAH INSTITUSI LATIHAN YANG UNGGUL, CANGGIH DAN TERKINI DI SAMPING TENAGA PENGAJAR YANG MAHIR, BERPENGALAMAN DAN BERKELAYAKAN. INI ADALAH WAJAR DENGAN PERUBAHAN DAN PEMODENAN YANG DITUNTUT KE ATAS PASUKAN POLIS DALAM ABAD KE-21. DENGAN KEMUDAHAN YANG SERBA LENGKAP DAN CANGGIH DI MAKTAB INI, SAYA BERHARAP IANYA DAPAT MELAHIRKAN BARISAN PEGAWAI KANAN POLIS YANG LEBIH PROFESIONAL, EFISIEN, JUJUR DAN AMANAH. KEDUA-DUA ELEMEN TERSEBUT PENTING DALAM MENENTUKAN TERCAPAINYA MATLAMAT INSTITUSI LATIHAN BAGI MELATIH PARA PEGAWAI YANG DAPAT MENCORAKKAN MASA DEPAN PASUKAN POLIS NEGARA.

3. WALAUPUN IA TELAH MENELAN PERBELANJAAN YANG AGAK BESAR, KERAJAAN MENYOKONG PENUBUHAN PUSAT LATIHAN POLIS INI DENGAN MATLAMAT UNTUK MEMBINA SEBUAH PASUKAN POLIS YANG MANTAP DAN BERKESAN DEMI MENJAGA KESELAMATAN DAN KEPENTINGAN RAKYAT. MAKA DENGAN ITU, SAYA BERHARAP DI SINILAH TEMPATNYA P.D.R.M. AKAN DAPAT MENCAPAI TIGA OBJEKTIF IAITU;

4. PERTAMA, SAYA BERHASRAT UNTUK MELIHAT P.D.R.M. MEMBINA DAN MEMUPUK NILAI-NILAI KEPASUKANAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAINYA. DIHARAPKAN MELALUI PROSES INI, BUDAYA PASUKAN, ELEMEN DISIPLIN DAN 'ESPRIT DE CORPS' AKAN DISEMAI AGAR MEREKA BOLEH MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN PENUH KEYAKINAN, BERDISIPLIN DAN BERTANGGUNGJAWAB.

5. KEDUA, P.D.R.M. HARUS MENGESAN PEGAWAI-PEGAWAI YANG BERBAKAT DAN BERPOTENSI. ASPEK INI MERUJUK KEPADA PEMBERIAN LATIHAN YANG BERTERUSAN ATAU 'ON-THE-JOB TRAINING' UNTUK MEMASTIKAN SETIAP PEGAWAI ITU MEMPUNYAI ILMU DAN KEMAHIRAN YANG TERKINI DAN RELEVEN DENGAN TUGASAN HARIAN MEREKA.

6. KETIGA, P.D.R.M. AKAN DAPAT MEMBANGUNKAN POTENSI YANG ADA PADA SETIAP PEGAWAI POLIS DENGAN MEMBERIKAN MEREKA LATIHAN DI SINI. INI KERANA, BIDANG PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN MEMERLUKAN KEPAKARAN YANG KHUSUS YANG HANYA BOLEH DIPEROLEHI MELALUI LATIHAN YANG INTENSIF DARIPADA PAKAR-PAKAR DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU. DENGAN SEGALA KEMUDAHAN YANG ADA DI MAKTAB INI, KURSUS-KURSUS BERKENAAN BOLEH DIADAKAN DAN PARA PEGAWAI POLIS AKAN MENDAPAT MANFAAT DARIPADANYA UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN TUGAS MEREKA.

SAUDARA SAUDARI YANG DIHORMATI

7. BERSEMPENA DENGAN MAJLIS YANG BERSEJARAH INI, SAYA INGIN BERKONGSI SATU LAGI LANGKAH BAGI MENAMBAHBAIK PRASARANA SERTA PROGRAM LATIHAN DI INSTITUSI LATIHAN POLIS; IAITU PENYERAGAMAN SEGALA BENTUK KANDUNGAN DAN PENDEKATAN LATIHAN SEJAJAR DENGAN KEPERLUAN PENUGASAN KEPOLISAN SEMASA.

8. SUKACITA SAYA UMUMKAN BAHAWA MULAI HARI INI, MAKTAB PEGAWAI KANAN POLIS KUALA LUMPUR AKAN DIKENALI SEBAGAI MAKTAB POLIS DIRAJA MALAYSIA KUALA LUMPUR. DI SAMPING ITU, MAKTAB PEGAWAI RENDAH POLIS KUALA KUBU BARU DITUKAR KEPADA MAKTAB POLIS DIRAJA MALAYSIA KUALA KUBU BARU. DENGAN PERUBAHAN NAMA KEDUA-DUA INSTITUSI BERKENAAN, P.D.R.M. AKAN DAPAT MEMPERKEMASKAN DASAR DAN FUNGSI LATIHAN YANG SEDIA ADA MENGIKUT KEPERLUAN DAN HALATUJU PASUKAN AGAR IANYA SELARI DENGAN ARUS PEMBANGUNAN NEGARA.

9. IANYA BERMAKNA KEDUA-DUA MAKTAB INI AKAN LEBIH TERBUKA DAN FLEKSIBEL DENGAN SKOP PEMBANGUNAN LATIHAN YANG KURANG MEMBEZAKAN KATEGORI PEGAWAI KANAN DAN ANGGOTA PANGKAT RENDAH. PERUBAHAN INI JUGA AKAN DAPAT MERAPATKAN JURANG DI ANTARA KEMUDAHAN LATIHAN UNTUK PEGAWAI DAN ANGGOTA. DENGAN INI, ANGGOTA BARISAN HADAPAN BERPANGKAT RENDAH YANG SEBELUM INI TIDAK MEMPUNYAI PELUANG UNTUK MENIKMATI KEMUDAHAN LATIHAN MODEN, KINI BOLEH MENIKMATI KEMUDAHAN TERSEBUT DI

MAKTAB POLIS DIRAJA MALAYSIA KUALA LUMPUR. SELAIN ITU, DENGAN TERBUKANYA KEMUDAHAN DI MAKTAB POLIS KUALA LUMPUR INI, DIHARAP IANYA AKAN MENJADI MOTIVASI KEPADA ANGGOTA PANGKAT RENDAH UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI MASING-MASING. SECARA TIDAK LANGSUNG, SEGALA KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI MAKTAB POLIS KUALA LUMPUR AKAN DAPAT DIMANFAATKAN SECARA MAKSIMUM OLEH SEMUA ANGGOTA PASUKAN.

HADIRIN YANG DIHORMATI

10. PADA PENDAPAT SAYA, PEGAWAI POLIS YANG PROFESIONAL PERLU BERJIWA POLIS, BERPENGETAHUAN DALAM BIDANG SAINS KEPOLISAN DAN BERKEMAMPUAN MENGANALISA DENGAN SEWAJARNYA MASALAH-MASALAH SOSIAL MASYARAKAT DI SEKELILINGNYA. INI BERMAKNA PEGAWAI BERKENAAN HARUS MELIBATKAN DIRI DENGAN KERJA-KERJA KEMASYARAKATAN TERTENTU DAN BERKEMAMPUAN UNTUK BERTINDAK SEBAGAI NADI DALAM PERKHIDMATAN SOSIAL MASYARAKAT. DI SAMPING ITU, PROFESIONAL DALAM KONTEKS KEPOLISAN JUGA MELIPUTI TANGGUNGJAWAB DAN RASA CINTA KEPADA PROFESYEN POLIS SERTA MENJALANKAN TUGAS DENGAN CEKAP DAN BERHEMAT.

11. NAMUN, KEMAHIRAN DAN KECEKAPAN TERSEBUT TIDAK DATANG DENGAN MENDADAK. IA HARUS DIPUPUK DAN DIBENTUK MELALUI PROSES LATIHAN DAN PEMBELAJARAN YANG BERTERUSAN. UNTUK MENCAPAI MATLAMAT INI, SETIAP WARGA P.D.R.M. PERLU DILENGKAPI DENGAN ILMU PENGETAHUAN YANG SECUKUPNYA DALAM MENGHADAPI SEGALA CABARAN MASA KINI.

12. OLEH ITU, SAYA BERASA BAHAWA P.D.R.M., TERUTAMA SEKALI MAKTAB PEGAWAI POLIS INI, PERLU MENINGKATKAN LAGI KERJASAMA DENGAN INSTITUSI-INSTITUSI PENYELIDIKAN DAN PENGAJIAN TINGGI, SAMA ADA DI DALAM ATAU PUN DI LUAR NEGARA. INI ADALAH KERANA P.D.R.M. PERLU MENYESUAIKAN TUNTUTAN SEMASA DENGAN MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEPAKARAN PEGAWAI-PEGAWAINYA. MAKLUMLAH, KEBANYAKAN DARI PERUBAHAN YANG BERLAKU PADA MASA INI ADALAH DISEBABKAN ANJAKAN ATAU KEMAJUAN ILMU DAN TEKNOLOGI. BERLANDASKAN ITU, P.D.R.M. SEHARUSNYA MENEROKA ILMU DAN PENGETAHUAN TERKINI UNTUK MELAHIRKAN PEGAWAI-PEGAWAI YANG PAKAR DALAM PELBAGAI BIDANG TERMASUKLAH TEKNOLOGI MAKLUMAT, SIASATAN FORENSIK SERTA SAINTIFIK, DAN SEBAGAINYA. DENGAN MEMPUNYAI TAHAP PENGETAHUAN YANG LEBIH TINGGI DAN LUAS, SAYA PERCAYA BAHAWA ANGGOTA P.D.R.M. AKAN BERKEMAMPUAN UNTUK MENJALANKAN TUGAS DAN MEMBUAT KEPUTUSAN YANG MENJURUS KEPADA PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG DAN BERKUALITI.

SAUDARA SAUDARI SEKELIAN

13. DUNIA MELIHAT NEGARA KITA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG STABIL DAN SELAMAT UNTUK DIKUNJUNGI PADA BILA-BILA MASA. KEAMANAN DAN KEHARMONIAN YANG KITA KECAPI HARI INI AMAT BESAR NILAINYA DAN JANGANLAH SEKALI-KALI KITA GADAIKAN DENGAN APA JUA SEKALIPUN. BANYAK

PERKARA YANG KITA PERTARUHKAN SEKIRANYA KITA MEMBIARKAN SEBARANG ANASIR MENGGANGGU GUGAT KEAMANAN YANG KITA KECAPI HARI INI. KEDATANGAN PELABUR ASING UNTUK BERTANAM MODAL, KEMASUKAN PELANCONG LUAR YANG SEKALIGUS MENAMBAH SUMBER PENDAPATAN NEGARA DAN BANYAK LAGI FAEDAH YANG KITA AKAN MUSNAHKAN SEKIRANYA KITA TIDAK BERUSAHA UNTUK MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN YANG MALAYSIA BANGGAKAN SELAMA INI.

14. P.D.R.M. MERUPAKAN SEBUAH PASUKAN YANG SANGAT SINONIM DAN RELEVAN DI DALAM KONTEKS MEMPERTAHKAN KEAMANAN DAN KESTABILAN NEGARA. SAYA AMAT MENYANJUNG TINGGI KEBERANIAN DAN KEAZAMAN PASUKAN PARA ANGGOTA POLIS YANG BERADA DI BARISAN HADAPAN, MEMPERTARUHKAN NYAWA, BERKORBAN MASA DAN TENAGA DEMI MENJAGA KEAMANAN DAN KESELAMATAN NEGARA. RAKYAT JUGA MENARUH HARAPAN YANG TINGGI AGAR P.D.R.M. AKAN TERUS MENJADI SEBUAH AGENSI ULUNG DALAM MEMPERTAHKAN KEDAULATAN UNDANG-UNDANG DAN MENGEKALKAN SISTEM DEMOKRASI YANG SEDIA ADA. PASTINYA RAKYAT JUGA MENGHARAPKAN SEBUAH PASUKAN POLIS YANG ADIL, AMANAH, TELUS, BERINTEGRITI UNTUK MENJADI PELINDUNG KEPADA KEHIDUPAN AMAN DAN DAMAI YANG MEREKA KECAPI.

15. PERLU DIINGATKAN BAHAWA KEJAYAAN PASUKAN POLIS BUKAN SEKADAR BERGANTUNG KEPADA KEPAKARAN PEGAWAI-PEGAWAI POLIS DAN ANGGOTANYA SAHAJA. TANPA KERJASAMA, BANTUAN DAN KEYAKINAN ORANG RAMAI, SAYA PERCAYA IA TENTULAH AMAT SUKAR UNTUK MEWUJUDKAN SEBUAH PASUKAN YANG EFEKTIF DAN EFISYEN DALAM MEMBERI PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI KEPADA MASYARAKAT.

16. SEPERTIMANA YANG SAYA SELALU TEKANKAN, PERKHIDMATAN BERKUALITI MERUPAKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG DAPAT MEMENUHI KEHENDAK ORANG RAMAI. INILAH YANG SAYA HARAPKAN DARI INISIATIF-INISIATIF UNTUK MEMPERTINGKATKAN MUTU PENYAMPAIAN OLEH SELURUH WARGA ANGGOTA KERAJAAN YANG BERURUSAN DENGAN RAKYAT. PADA PANDANGAN SAYA, UNSUR-UNSUR PERKHIDMATAN BERKUALITI TERMASUKLAH BERSOPAN-SANTUN, MESRA PELANGGAN, MENEPATI MASA DAN PEKA TERHADAP ISU ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN. PENDEK KATA, PERKHIDMATAN BERKUALITI BUKAN SEKADAR BERGANTUNG KEPADA TAHAP KECEKAPAN DAN PRESTASI TINGGI SAHAJA TETAPI JUGA MERANGKUMI MORAL DAN INTEGRITI YANG MULIA.

17. MASALAH RASUAH, SALAH GUNA KUASA, BERSIKAP KASAR DAN TIDAK BERBUDI BAHASA, TIDAK BERDISIPLIN DAN TIDAK CEKAP AKAN MEMBAWA KEPADA PERSEPSI YANG AMAT NEGATIF SEKALIGUS MENGHANCURKAN KEWIBAWAAN P.D.R.M.. JIKA TIDAK DITANGANI DENGAN SEGERA, MASALAH-MASALAH TERSEBUT AKAN MENGAKIBATKAN PENGHAKISAN KEPERCAYAAN AWAM TERHADAP KEWIBAWAAN POLIS SEBAGAI AGENSI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG TERPENTING. MENYEDARI HAKIKAT INI, KERAJAAN TELAH MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MENUBUHKAN SURUHANJAYA KHAS DIRAJA PENAMBAHBAIKAN PERJALANAN DAN PENGURUSAN P.D.R.M.. SURUHANJAYA INI BERPERANAN UNTUK MELIHAT DAN MENGKAJI ASPEK-ASPEK YANG SAYA SEBUTKAN SEBENTAR TADI.

18. NAMUN, SAYA SUKA UNTUK MENJELASKAN BAHAWA PENUBUHAN SURUHANJAYA KHAS DIRAJA PENAMBAHBAIKAN PERJALANAN DAN PENGURUSAN P.D.R.M. INI BUKANLAH SEMATA-MATA UNTUK Mencari cacat cela dan kesilapan pihak polis. Adalah menjadi hasrat kerajaan melalui suruhanjaya ini untuk mengkaji perkara-perkara yang meliputi kebaikan anggota polis dan keluarga, keperluan latihan dan kelengkapan, dan pelbagai lagi yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup serta perkhidmatan yang diberikan. Adalah diharapkan semua penelitian yang dibuat oleh suruhanjaya ini akan dapat melahirkan sebuah pasukan polis yang lebih dinamik, berwibawa dan disanjung menjelang abad ke-21 ini.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

19. SEMPENA MAJLIS PERASMIAN INI, SAYA JUGA TELAH DIBERI KESEMPATAN UNTUK MELANCARKAN SEBUAH BUKU SEJARAH BERGAMBAR INSTITUSI KEPOLISAN MALAYSIA EDISI KEDUA YANG DIHASILKAN OLEH MUZIUM P.D.R.M..

20. SAYA BERHARAP USAHA YANG DIJALANKAN OLEH MUZIUM P.D.R.M. INI AKAN DAPAT MENINGKATKAN LAGI KEFAHAMAN ORANG RAMAI TERHADAP SALAH SATU INSTITUSI TERTUA DI NEGARA KITA INI. MELALUI BUKU INI, RAKYAT AKAN DAPAT MENILAI SENDIRI SUKA DUKA, KESETIAAN DAN PENGORBANAN ANGGOTA POLIS YANG DIPAPARKAN DALAM BUKU TERSEBUT.

21. SEBAGAI PENUTUP, SAYA UCAPKAN SYABAS KEPADA PASUKAN P.D.R.M. DI ATAS USAHA MEMBANGUNKAN SEBUAH INSTITUSI LATIHAN UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI DALAM MENJAGA KESELAMATAN DAN KEAMANAN NEGARA INI.

SEKIAN, TERIMAKASIH.